



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE NECESSITY OF USING CANNABIS FOR MEDICAL HEALTH  
IMPORTANCE: A PRELIMINARY DISCUSSION]**

**KEHARUSAN PENGGUNAAN GANJA UNTUK MASLAHAH PERUBATAN  
KESIHATAN: SATU PERBINCANGAN AWAL**

MOHD HAPIZ MAHAIYADIN<sup>1</sup>\*  
NORSYIFA HARUN<sup>2</sup>  
ROSHAMIZAM SUHAIMI<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

<sup>2</sup>Centre for Drug Research,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,  
Permatang Pauh, Pulau Pinang

\*Corresponding Author: [mohdhapiz659@uitm.edu.my](mailto:mohdhapiz659@uitm.edu.my)

Received Date: 5 June 2023 • Accepted Date: 31 October 2023

**Abstract**

This article analyses the ruling regarding the cultivation of cannabis or ganja which has often been discussed in recent times, particularly in terms of its benefits for medical health needs. Hemp is one of the varieties of cannabis thought to have health advantages (Cannabis Sativa L.). Patients with cancer, Parkinson's disease, depression, anxiety disorders, and autism may benefit from using hemp as a therapy. However, as per the Dangerous Drugs Act 1952 in Malaysia, cannabis is prohibited from being cultivated, produced, distributed, imported, exported, possessed, or abused. This article also aims to examine the fundamentals of the necessity of planting cannabis from the point of view of masalah and mafsadah in the context of taking care of the wider shariah maqasid. As a qualitative study, the content analysis method will be employed to obtain the views of Islamic jurists regarding the legality of cultivating hasyish (marijuana), khasykhasy (poppy), tabg (tobacco) as well as the pertinent current fatwas from multiple reputable legal institutions. Today, the masalah and mafsadah aspects must be taken into consideration while determining the law, keeping in mind the provisions of national law. Next, this study has shown that although the hemp species is sacred and not regarded as impure, its cultivation needs to adhere to a number of rules in order to prevent negative effects on the community

Keywords: Cannabis, Hemp, Cultivation, Health

**Abstrak**

Artikel ini menganalisis hukum penanaman kanabis atau ganja yang kerap diperbincangkan sejak kebelakangan ini khususnya dari segi manfaat terhadap keperluan perubatan kesihatan. Antara spesies kanabis yang dipercayai mengandungi manfaat kesihatan ialah hemp (*Cannabis Sativa L.*). Hemp dipercayai mampu bertindak sebagai terapi bagi pesakit gangguan saraf, autisme, kemurungan, parkinson dan kanser. Namun menurut undang-undang Malaysia, kanabis disenaraikan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mengharamkan penanaman, pengeluaran, pengedaran, import, eskport, pemilikan dan penyalahgunaannya. Artikel ini juga bertujuan untuk meneliti asas-asas keharusan penanaman pokok tersebut daripada sudut pertimbangan *masalah* dan *mafsadah* dalam konteks penjagaan *maqasid* syariah yang lebih luas. Sebagai sebuah kajian kualitatif, metod analisis kandungan akan digunakan bagi memperoleh pandangan fuqaha Islam mengenai hukum penanaman *hasyish* (ganja), *khasykhasy* (popi), *tabg* (tembakau) dan dan fatwa-fatwa semasa yang berkaitan daripada pelbagai institusi hukum yang berautoriti. Bagi menentukan hukumnya pada masa kini, aspek *masalah* dan *mafsadah* perlu dipertimbangkan dengan mengambilkira ketetapan undang-undang negara. Seterusnya, kajian ini telah mendapati bahawa spesies hemp adalah suci dan tidak dianggap najis namun keharusan penanamannya tertakluk kepada beberapa garis panduan bagi mengelak timbulnya kesan kemudaratan kepada masyarakat.

Kata kunci: Kanabis, Hemp, Ganja, Penanaman, Kesihatan

**Cite as:** Mohd Hapiz Mahaiyadin, Norsyifa Harun & Roshamizam Suhaimi. 2023. Keharusan Penggunaan Ganja Untuk Masalah Perubatan Kesihatan: Satu Perbincangan Awal [The Necessity Of Using Cannabis For Medical Health Importance: A Preliminary Discussion] *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(1): 39-50.

**PENDAHULUAN**

Ganja adalah salah satu tanaman tertua dalam sejarah manusia, dengan rekod penggunaan sejak 6000 tahun terdahulu. Mungkin kerana asal usul awalnya dan disebabkan pula oleh sekatan kaji selidik terhadapnya kerana polisi pengawalan dadah, maka sejarah evolusi dan penyelidikan ganja masih kurang difahami (Sawler et al. (2015). Menurut Underhill (1997) terdapat bukti penting sejarah menunjukkan bahawa di China purba, 4000 tahun SM, ganja bukan sahaja digunakan sebagai serat dan sumber makanan tetapi juga untuk fungsi perubatan dan ritual yang kemudiannya tersebar ke benua Asia, Eropah, Timur Tengah dan seluruh dunia.

Lebih lima dekad lalu, Mikuriya (1969) menyebut banyak penerbitan yang berautoritatif menyatakan bahawa tidak terdapat secara rasmi penggunaan perubatan yang sah menggunakan ganja. Berbanding dengan 1800-an, abad dua puluh telah menunjukkan sangat sedikit penyelidikan perubatan tentang kandungan kira-kira dua puluh bahan kimia yang terdapat dalam tumbuhan hemp. Dewasa ini, bukti yang kukuh dan berkembang telah

menunjukkan bahawa ganja mempunyai manfaat perubatan untuk pelbagai keadaan dan profil risiko yang boleh diterima (Zach Walsh et.al., 2013). Produk yang berasal dari ganja digunakan untuk tujuan perubatan dan rekreasi dalam pelbagai cara. Ini termasuk merokok atau menyedut daripada rokok, paip, paip air, dan makan atau minum produk makanan dan minuman; atau mengewapkan produk. Mod yang berbeza ini disesuaikan dalam penggunaan produk ganja yang berbeza, termasuk "tunas" ganja (bunga ganja kering); resin ganja (hashish); dan minyak ganja (minyak butana, lilin) (Raber et al., 2015). Produk daripada kanabis juga terdapat dalam bentuk makanan dan makanan ringan, minuman, pakaian, dan produk bantuan kesihatan dan kecantikan.

Terdapat banyak aspek positif daripada ganja, mulai dari daun sehingga ranting dan akarnya semua dapat dimanfaatkan. Ganja memiliki potensi penyembuhan penyakit dalam rawatan perubatan, di antaranya HIV/AIDS, insomnia, kanser dan asma (Enik Isnaini, 2017). Tumbuhan ini mengandungi lebih daripada 100 kanabinoid yang diketahui, yang fungsi utamanya mempunyai kaitan dengan aplikasi perubatan ialah tetrahydrocannabinol (THC) dan cannabidiol (CBD) (Misty Pratt et.al., (2019). Para penyelidik telah mengesahkan bahawa  $\Delta^9$ - tetrahydrocannabinol (THC) memberikan kesan yang paling ketara melalui tindakannya pada dua jenis reseptor kanabinoid, reseptor CB1 dan reseptor CB2, (Baker et al., 2003). Reseptor CB1 ditemui terutamanya dalam otak dan juga dalam beberapa tisu periferi, manakala reseptor CB2 ditemui terutamanya dalam tisu periferi dan juga dalam sel neuroglial.  $\Delta^9$ - tetrahydrocannabinol (THC) telah mendapat perhatian paling meluas kerana kesan psikotropik (memabukkan) yang sering dicari oleh pengguna ganja secara rekreasi kerana keupayaannya untuk bertindak sebagai agonis separa untuk reseptor cannabinoid (CB1) jenis-1 (Grotenherman 2003). Jadi, melalui pengaktifan reseptor CB1,  $\Delta^9$ - tetrahydrocannabinol (THC) akan meningkatkan pembebasan dopamin dan menghasilkan kesan psikotropik kepada penggunaannya. Berbeza dengan  $\Delta^9$ - tetrahydrocannabinol (THC), CBD tidak mempunyai sifat memabukkan dan, atas sebab ini, secara tradisinya ia dianggap sebagai bahan bukan psikoaktif. CBD juga dilaporkan menunjukkan kesan pengaktifan yang sangat rendah bagi reseptor cannabinoid CB1 dan CB2 (Thomas et al., 2007). Kebanyakan negara Barat mengharamkan penanaman Cannabis sativa pada awal abad ke dua puluh kerana kandungan biotaip yang tinggi dalam  $\Delta^9$ -tetrahydrocannabinol (THC), unsur cannabinoid yang menjadi bahan utama memabukkan adalah sumber ganja. Namun begitu, sejak 1990, berpuluh-puluh negara telah membenarkan penanaman dan pemprosesan hemp yang mengandungi tahap THC yang agak rendah sebagai satu industri (Jerome, 2016).

Menurut Wee, Hassan & Abdullah (2022), potensi hemp sebagai makanan adalah sangat besar di mana laporan oleh Zion Market Research mendapati bahawa pada tahun 2020 pasaran makanan berasaskan hemp adalah sebanyak USD388.46 juta dan dijangkakan pada tahun 2027 akan meningkat sekitar USD544.93 juta di seluruh dunia. Selain minyak biji hemp untuk makanan kesihatan, bahan ini juga dipelbagaikan. Sejak tahun 1983 kajian minyak hemp sebagai biodiesel telah dilakukan di Amerika Syarikat. Kajian ini diketuai oleh Grayson Singler yang menggunakan 100 peratus minyak biji hemp bagi kereta Mercedes-Benz 300TD. Kajian ini mendapati sekiranya penggunaan minyak biji hemp diperluaskan, ianya boleh menggantikan penggunaan diesel berasaskan fosil di Amerika Syarikat. Ini seterusnya boleh mengubah sumber ekonomi berasaskan minyak fosi kepada biodiesel. Malahan bagi menampung keperluan seluruh Amerika Syarikat, hanya 6 peratus keluasan tanah di negara

tersebut diperlukan. Minyak biodiesel juga boleh memenuhi keperluan semua jenis pengangkutan yang ada di negara tersebut. Walau bagaimanapun, National Biodiesel Board belum menguji minyak biji hemp bagi menggantikan petroleum dan tidak mengesyorkan menggunakan hemp sebagai bahan api (Wee, Hassan & Abdullah, 2022).

Dari batang hemp juga Cannabidiol (CBD) dapat dihasilkan, cuma ianya tidak sebanyak boleh didapati daripada bahagian bunga hemp. CBD merupakan bahan dari batang hemp yang bersifat tidak psikoaktif. Ini bermakna ia tidak mendatangkan euphoria kepada sesiapa yang mengambilnya. Pada masa sekarang CBD mendapat perhatian seluruh dunia berikutan kegunaannya dalam perubatan. Oleh kerana CBD dikaitkan dengan perubatan dan pemakanan kesihatan, maka kerajaan mengenakan garis panduan yang ketat ke atas barangan tersebut. Antaranya adalah larangan mencampurkan CBD dengan bahan larangan seperti THC yang bersifat psikoaktif. CBD juga mesti diambil daripada batang kerana daun dan bunga termasuk dalam kategori dadah (Wee, Hassan & Abdullah, 2022).

Manakala pada tahun 2020, kajian CBD juga dilakukan kepada merawat pesakit COVID-19. Saintis di Medical College of Georgiamendapati bahawa CBD boleh merawat pesakit-pesakit COVID-19. Pakar imunologi Babak Baban menegaskan bahawa penyakit COVID-19 adalah hampir sama dengan virus SARS yang pernah menyerang dunia dan kaedah rawatan terbaik adalah menggunakan CBD. Beliau juga mendapati CBD mampu membantu paru-paru pulih dari keradangan akibat serangan virus dan kenyataan ini disokong oleh Jack Yu iaitu pakar pembedahan plastik pediatrik di kolej yang sama

Legalisasi sepenuhnya tanaman hemp berpotensi memberi impak kepada negara dan salah satunya adalah dari segi ekonomi. Seperti produk yang lain, hemp juga boleh menyumbangkan kepada pendapatan cukai yang tinggi seperti yang dilakukan di California, Amerika Syarikat. Mengikut California Department of Tax Administration, tanaman hemp telah memberi pulangan cukai sebanyak USD304.8 juta yang merangkumi cukai eksais (barangan import atau dikilangkan), sebanyak USD157.8 juta untuk cukai penanaman, sebanyak USD39.2 juta untuk cukai jualan pada sukutahun pertama 2021. Manakala pada suku tahunan kedua 2021 sebanyak USD333.2 juta secara keseluruhan dan pecahan cukai terdiri daripada cukai eksais bernilai USD172.3 juta, cukai tanaman berjumlah USD40.4 juta dan cukai jualan bernilai USD120.5 juta.

Antara negara-negara yang membenarkan penanaman kanabis ialah Uruguay, Kanada, Belanda, Afrika Selatan dan Sepanyol (Basit Aijaz, 2021). Sementara di Amerika Syarikat pada tahun 2020, 33 negeri dan wilayahnya telah meluluskan pemberian ganja untuk tujuan perubatan. Walau bagaimanapun, di peringkat persekutuan, ganja kekal diklasifikasikan dalam jadual 1 akta kawalan yang mengehadkan keberkesanan dan penyelidikan keselamatannya (Jugl et al., 2021). Di Timur Tengah, Lubnan menjadi negara Arab pertama yang menghalalkan ganja untuk kegunaan perubatan dan industri baru-baru ini pada tahun 2020. Sementara negara-negara Timur Tengah dan Arab yang lain terus mengharamkan sepenuhnya penggunaan kanabis dan produk yang berasal daripada ganja (Shirah, Ahmed, 2021).

Malaysia juga tidak ketinggalan menerima tempian isu tersebut. Pada tahun 2019, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (mantan Menteri Kesihatan) menegaskan Kerajaan dalam proses membenarkan penanaman 'hemp' (spesies ganja) hanya untuk tujuan penyelidikan industri bukan perubatan. Kebenaran itu akan tertakluk di bawah Seksyen 6B (2) Akta Dadah

Berbahaya 1952. Di bawah seksyen itu juga, Menteri Kesihatan mempunyai kuasa untuk memberi izin kepada pegawai awam bagi tujuan penanaman untuk penyelidikan itu (Berita Harian, 2019). Tidak lama selepas itu terdapat kenyataan Menteri Kesihatan terkini, khairy Jamaluddin ketika sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 peringkat dasar pada November tahun lalu, mereka yang berkenaan boleh mengemukakan permohonan penggunaan kanabis untuk perubatan kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) bagi dinilai dan didaftar sekiranya ada bukti saintifik yang mencukupi.

Walaupun kenyataan di atas dibuat secara berhati-hati, respon menteri terhadap tekanan beberapa pihak terutamanya para penyelidik dan pengamal perubatan tempatan menunjukkan perkembangan positif terutama industri hemp terhadap perkembangan ekonomi negara. Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan Universiti Sains Malaysia Prof Dr B Vicknasingam, penanaman dan penjualan kanabis serta ketum di pasaran antarabangsa boleh menjadi potensi ekonomi negara, namun Malaysia sewajarnya menerajui penyelidikan ketum bersandarkan pada sejarah penggunaannya sebagai ubat tradisional sejak sekian lama di negara ini (Harian Metro, 2021).

Beberapa saranan seperti di atas, telah disambut secara positif oleh ramai penyelidik di institusi pengajian tinggi tempatan. Pada tahun 2019, penyelidik dari bidang sains neuro Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Prof Madya Dr Mohamad Aris Mohd Moklas telah menyimpulkan hasil kajiannya ke atas tikus di mana penggunaan ganja berupaya untuk merangsang pertumbuhan neuron baru pada sel otak. Hal ini kerana bahan aktif dalam tumbuhan ganja memiliki potensi untuk mengubati penyakit berkaitan dengan kemerosotan fungsi otak, seperti Alzheimer. Justeru selepas itu, satu memorandum persefahaman (MOU) telah dibuat antara syarikat Sirdadia SDN. BHD. dengan UPM pada Ogos 2020 di mana pihak Sirdadia berhasrat untuk menyokong kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Dr Mohamad Aris dengan melabur sebanyak RM 10 juta untuk membuat kajian lanjut mengenai potensi kanabis yang dianggap sebagai tanaman bernilai tinggi (Malaysiakini, 2021). Dalam akhbar Berita Harian bertarikh 10 September 2021 melaporkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi universiti awam pertama menjalankan penyelidikan mengenai tanaman 'hemp' sebagai produk pertanian yang berpotensi dibangunkan untuk ekonomi, pada masa hadapan (Berita Harian, 2021).

Namun melihat kepada penggunaan dadah dan ganja yang menjadi domain utama kepada spesies hemp tanpa menafikan adanya manfaat yang boleh diperolehi daripadanya, mudarat kedua-dua bahan tersebut kepada kehidupan manusia akibat penyalahgunaannya sememangnya tidak dapat dipertikaikan. Sebagai sebuah syariat yang mementingkan asas *jalb al-masalih* (menarik kemaslahatan) dan *daf' al-mafasid* (menolak keburukan), Islam amat mementingkan pemeliharaan kesejahteraan *daruriyyat al-khams* manusia. Setiap elemen yang berpotensi merosakkan akal manusia ditegah oleh syariat Islam daripada digunakan seperti pengharaman arak dan pelbagai minuman, makanan, cecair dan tumbuhan yang berbahaya. Selari dengan keadaan tersebut, terdapat banyak nas-nas al-Quran dan sunnah yang berkaitan dengan pengharaman arak yang menyebabkan berlakunya *iskar* (memabukkan) dijadikan sandaran utama oleh para ulama dalam membincangkan hukum penggunaan bahan-bahan mudarat yang menjejaskan kelestarian akal manusia.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan proses pengumpulan data dan maklumat tentang sejarah penanaman hemp, manfaat dan keburukannya serta wacana hukum mengenai penggunaan ganja (*hasyish*), popi (*khasykhasy*) dan tembakau (*tabg*), daripada sumber-sumber yang berautoriti. Sumber utama kajian ini yang dianalisis kandungannya adalah berdasarkan dokumen yang terdiri daripada kitab-kitab fiqh dan hadis sama ada karya klasik atau kontemporari. Manakala, sumber sekunder pula terdiri daripada dokumen bertulis dan bercetak lain yang diperoleh daripada artikel jurnal, keratan akhbar, buku akademik dan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian.

## HEMP DAN MANFAATNYA SERTA KEBURUKANNYA

Tumbuhan kanabis terdiri daripada tiga jenis iaitu *cannabis sativa* (*C. sativa*), *cannabis indica* (*C. indica*) dan *cannabis ruderalis* (*C. ruderalis*) (Wee, M., Hassan, A. ., & Abdullah, A., 2022; Hillig K. 2005). Kanabis sativa merupakan tumbuhan yang biasa didapati di kawasan beriklim panas dan kering dengan cuaca cerah yang berpanjangan seperti di kawasan Afrika, Amerika Tengah, Asia Tenggara dan Asia Barat. Ia boleh mencapai ketinggian melebihi dua belas kaki. Daunnya seperti jejari yang tirus dengan warna hijau muda manakala dahannya jarang-jarang. Kanabis indica pula berasal dari benua India (Afghanistan, India, Pakistan) dan Turki. Pohon tumbuhan ini kebanyakannya rendang dan jejari daunnya lebih lebar dengan warna hijau tua. Kadar pertumbuhannya lebih cepat berbanding jenis sativa. Sementara yang terakhir, kanabis ruderalis berasal daripada kawasan beriklim sejuk seperti Eropah Timur, Himalaya di India, Siberia dan Rusia. Pertumbuhannya sangat pantas dan sesuai di kawasan persekitaran yang sejuk dan kurang cahaya matahari. Pohon tumbuhan ini renek dan jarang melebihi ketinggian dua belas inci (Mohamed Isa Abdul Majid, 2020 ; Jerome H. Cherney, 2016).

Setiap jenis kanabis ini mengandungi jumlah-jumlah tertentu *tetrahydrocannabinol* (THC) dan *cannabidiol* (CBD) (Shannon L. Datwyler Ph.D., George D. Weiblen, 2006). Hemp dan marijuana adalah kanabis yang berasal daripada jenis *C. sativa*, namun hemp merujuk kepada tumbuhan kanabis yang mengandungi 20 peratus CBD dan 0.3 peratus THC, sejenis bahan kimia yang membuatkan seseorang khayal (Johnson, 2009).

Oleh itu, walaupun dari keluarga yang sama tetapi kedua spesis kanabis ini mempunyai kelainan dari segi kegunaan. Hemp banyak digunakan dalam pelbagai sektor termasuk dalam industri perubatan terutama penghasilan Cannabidiol (CBD) sehingga kepada industri kecil dan sederhana seperti kertas membuat washi iaitu sejenis kertas yang dibuat secara tradisional, barang-barang kosmetik, makanan untuk manusia seperti tepung hemp dan susu hemp, makanan haiwan, bahan binaan seperti dinding rumah dan atap rumah, industri perkapalan seperti pembuatan tali layar, industri automobil seperti membuat kesyenkereta, perabot, biodiesel, plastik dan pelbagai lagi sehinggakan dikenali sebagai ‘Green Gold’<sup>12</sup>. Manakala marijuana digunakan untuk menghasilkan THC dan CBD untuk tujuan perubatan dan juga rekreasi (Wee, M., Hassan, A. ., & Abdullah, A., 2022).

Hemp mempunyai banyak mafaatnya. Serat hemp merupakan antara bahan penting kepada masyarakat Jepun sejak ribuan tahun dahulu sehingga kini. Pada zaman Jomon (7,000-10,000 Sebelum Masihi) pakaian dicipta daripada pelbagai sumber tumbuhan dan kulit haiwan termasuk daripada serat hemp. Biji hemp juga boleh dipelbagaikan kegunaannya seperti untuk masakan dan produk lain seperti cat, dakwat, minyak biodiesel, kosmetik dan plastik.

Hemp kini mendapat populariti kerana keberkesanannya dalam merawat pelbagai kondisi kesihatan (Aizpurua-olaizola. et al. 2016). Dua kanabinoid utama hemp iaitu tetrahydrocannabinol (THC) dan cannabidiol (CBD) adalah komponen yang diketahui akan potensi terapeutiknya (Grotenhermen & Müller-Vahl, 2012). THC mempunyai kesan psikotropik paling tinggi dalam kanabinoid, justeru merupakan komponen utama yang bertanggungjawab dalam memberi kesan farmakologi dan terapeutik dalam hemp perubatan (Grotenhermen & Müller-Vahl, 2012). THC mempunyai pelbagai manfaat dengan berfungsi sebagai analgesik, agen anti-radang, anti-emetik dan anti-proliferatif dari segi sel tumor (Aizpurua-olaizola et al., 2016; Grotenhermen & Müller-Vahl, 2012; Izzo et al., 2009). Selain THC, sebatian kedua terpenting dalam hemp ialah CBD, yang juga digunakan untuk kesan farmakologi, manakala yang selebihnya adalah cannabinoid bukan psikoaktif (Potter et al., 2008). Berbeza dengan THC, CBD boleh menyebabkan kesan yang bertentangan dengan mengawal euphoria yang disebabkan oleh THC. Selain itu, antara faedah lain yang diketahui, CBD juga bertindak sebagai agen anti-psikotik, anti-loya, neuroprotektif, anti-kanser dan anti-diabetes, semuanya tanpa mengakibatkan kesan sampingan yang terlalu kuat (Aizpurua-olaizola et al., 2016; Rock et al., 2011). Terdapat bukti bahawa CBD berpotensi untuk dieksploitasi dalam rawatan dan melegakan pelbagai gejala yang berkaitan dengan gangguan neurologi seperti epilepsi dan sawan (Hofmann dan Frazier, 2013; Jones et al., 2010), psikosis (Leweke et al., 2016), kebimbangan (Bergamaschi et al., 2011) dan gangguan pergerakan (contohnya, penyakit Huntington dan sklerosis lateral amyotrophic) (de Lago dan Fernandez-Ruiz, 2007; Iuvone et al., 2009). Manakala migrain, gastrik, alahan, sakit tulang belakang dan asma merupakan penyakit biasa/gejala yang biasa dirawat dengan hemp (Ware et al., 2005). Selain itu hemp juga diketahui mempunyai ciri-ciri yang berkesan untuk merangsang selera makan untuk merawat contohnya anoreksia. Tambahan pula, ia turut dilaporkan dapat mengurangkan loya dan oleh itu boleh memberi manfaat kepada pesakit kemoterapi. Justeru, hemp dapat berfungsi sebagai penahan sakit kronik untuk pesakit yang menghidap kanser, HIV, rheumatism dan lain-lain jenis sakit kronik. Selain itu, hemp juga digunakan bagi merawat beberapa penyakit lain seperti epilepsi, penyakit Alzheimer, penyakit Huntington, diabetes dan sindrom Tourette' (Aizpurua-olaizola et al., 2016).

Selain manfaat hemp dalam perubatan, tinjauan literatur juga melaporkan terdapat kesan sampingan atau kesan negatif hemp. Antaranya ialah melibatkan mabuk akut kanabis, iaitu keramahan dan kepekaan pengguna terhadap rangsangan tertentu (cth., warna, muzik) mungkin dipertingkatkan, persepsi masa diubah dan selera untuk makanan manis dan berlemak meningkat. Seseengah pengguna melaporkan mengalami perasaan santai yang menggembirakan selepas menghisap ganja (Agrawal et al., 2014). Kesan subjektif ini juga sering dikaitkan dengan penurunan ingatan jangka pendek, mulut kering, dan persepsi serta

kemahiran motor terjejas. Lebih memburukkan lagi, apabila tahap  $\Delta 9$ - tetrahydrocannabinol (THC) yang sangat tinggi dicapai dalam badan seseorang individu, mereka mungkin akan mengalami serangan panik, pemikiran paranoid, dan halusinasi (Li et al., 2014). Selain itu, kesan sampingan penggunaan kanabinoid jangka pendek lain seperti asthenia, masalah keseimbangan, kekeliruan, pening, cirit-birit, euforia, mengantuk, loya, dan muntah juga turut dilaporkan (Agrawal et al., 2014).

Selain itu, penggunaan produk berasaskan ganja turut mendatangkan kebimbangan apabila terdapat potensi pencemaran semulajadi atau bahan pencemar tiruan yang berbahaya yang terdapat dalam ganja mentah atau semasa proses penyediaan ganja itu sendiri. Bahan pencemar semula jadi yang paling kerap berlaku terdiri daripada produk degradasi, pencemaran mikrob (cth., kulat, bakteria), dan logam berat. Bahan cemar ini biasanya didapati semasa proses penanaman dan penyimpanan (McLaren et al., 2008). Selain itu, penggunaan penggalak tanaman dan bahan kimia kawalan perosak merupakan risiko pencemaran yang paling biasa dilaporkan berlaku kepada pengeluar dan pengguna. Ganja juga boleh dicemari bagi tujuan pemasaran di mana ianya melibatkan penambahan bahan lain (seperti manik kaca kecil dan plumbum) untuk meningkatkan berat produk kanabis (Busse et al., 2008) atau menambah bahan psikotropik (seperti tembakau) bagi meningkatkan keberkesanan ganja yang berkualiti rendah (McPartland et al., 2008). Selain itu, beberapa kaedah pengekstrakan dan penyedutan yang digunakan dalam formulasi dos tertentu (minyak hash butana) juga boleh terdedah kepada pencemaran racun perosak dan bahan pelarut (Thomas dan Pollard, 2016).

## **GANDA DAN HEMP MENURUT PERSPEKTIF HUKUM SYARAK**

Hemp berasal daripada kategori dadah berasaskan tumbuh-tumbuhan iaitu ganja dan lebih spesifik lagi merupakan subspesies kanabis. Dadah dan ganja diterjemahkan dalam bahasa Arab sebagai *mukhaddarat*. Beberapa kalimah berkaitan dadah dan ganja digunakan dalam bahasa Arab seperti *hasyish* (kanabis), *khasykhasy* (popi), *afyun* (opium) dan *tabg* (tembakau). (al-Natur & al-Qudhah, 2014). Memandangkan wujudnya kaitan antara hemp dengan ganja, maka pandangan fuqaha mengenai hukum berinteraksi dengan bahan tersebut perlu diutarakan bagi mendapatkan tasawur hukum mengenai hemp.

Hukum interaksi dengan dadah dan ganja tidak ditemui secara jelas dalam pandangan fuqaha *mutaqaddimin*. Antara sebabnya seperti dinyatakan Ibn Taymiyyah (2004) pemprosesan tumbuhan tersebut tidak begitu meluas pada zaman dahulu dan mula diperbahaskan pada penghujung abad keenam hijrah. Lantaran itu, perbincangan mengenainya hanya ditemui dalam penulisan ulama *mutakhirin* yang mana sebahagian mereka menghukumkan penggunaan dadah seperti hukum arak (*khamr*) berdasarkan persamaan *illahnya* iaitu kemabukan (*iskar*) yang menghilangkan kewarasan akal. Oleh kerana disamakan dengan arak, pengguna ganja dikenakan hukuman had minum arak. Sebahagian ulama lain menganggap ganja tidak seperti arak kerana ia berasal dari spesies bukan cecair (*jamidat*) dengan rasa keseronokan yang berbeza daripada arak. Mengikut pandangan ini, kesalahan mengambil ganja hanya dikenakan hukuman takzir (al-Natur & al-Qudhah, 2014). Berdasarkan pelbagai kenyataan oleh para ulama setiap mazhab, dapat ditegaskan semua



mereka bersepakat mengharamkan penggunaan dadah dan ganja lantaran kemudaratan yang sangat dahsyat kepada kesihatan mental dan fizikal manusia walaupun berbeza pandangan dalam mengkategorikannya dalam hukum had minum arak atau sebaliknya.

Seorang ulama Hanafi iaitu Ibn Abidin (2000) menyatakan perbuatan memakan ganja dan kanabis adalah haram kerana ia merosakkan akal. Namun pengharamannya tidak seperti arak. Orang yang memakannya menjadi mabuk, hanya dikenakan hukuman takzir disebabkan pengharaman arak bersifat *qat'iy* yang mana sesiapa yang menolak hukumnya menjadi kufur. Terdapat satu pandangan menyatakan sesiapa yang memfatwakan ganja halal adalah seorang *zindiq lagi muftadi'*. Begitu juga ada pandangan yang mengenakan hukuman had ke atas sesiapa yang mabuk kerana dadah.

Menurut mazhab Maliki, secara umumnya kanabis, opium dan *saykaran* (spesis memabukkan) adalah haram digunakan kerana melenyapkan kewarasan akal tetapi tidak haram untuk digunakan bagi tujuan rawatan fizikal luaran (al-Hattab, 1995). Mereka juga membezakan antara *muskir* dan *mukhaddir*. Minuman yang menghilangkan (kewarasan) akal dinamakan *muskir* yang mana peminumnya akan dikenakan hukuman had sama ada sedikit atau banyak. Adapun tumbuh-tumbuhan yang merosakkan akal seperti *hasyisyh*, *afyun*, *saykaran*, *dayturah* atau bahan yang diformulakan seperti makjun, ia dinamakan *mufsid atau mukhaddir*. Hukum bahan tersebut adalah suci. Orang yang memakannya tidak dikenakan had dan hanya dikenakan hukuman takzir. Begitu juga tidak mengapa jika dadah dan ganja digunakan dalam kuantiti minima yang tidak memudaratkan (al-Disuqi, t.t).

Sekalipun dadah dan ganja dihukumkan haram dalam mazhab Syafie, ia berbeza daripada minuman arak kerana kedua-duanya adalah benda pejal yang bukan cecair. Kemabukan terhasil daripada ganja tidak memiliki unsur *syiddah mutribah* (kekhayalan melampau) seperti dalam arak (al-Ramli, 2003). Semua jenis ganja seperti *hasyisy*, *afyun*, *syaykaran* dan seumpamanya termasuk dalam kategori *muskirat* (memabukkan) dalam ertikata ia menghilangkan akal pemakannya walaupun tiada unsur *syiddah mutribah* seperti arak dan hukumnya adalah berdosa besar dan haram seperti arak kerana memiliki *illah* yang sama. Menurut al-Asqalani (t.t), hadis yang mengharamkan setiap minuman mabuk terpakai ke atas setiap jenis bahan memabukkan sama ada dalam bentuk minuman atau sebaliknya. Maka termasuk dalam hal ini, segala jenis dadah dan ganja. Setiap yang *mukhaddir* adalah *muskir* dan setiap *muskir* tidak semestinya *mukhaddir*. Walaupun haram digunakan, namun hukuman yang dikenakan hanyalah takzir, bukannya hukuman had minum arak (al-Syirbini, 1994).

Manakala pandangan mazhab Hanbali yang didasarkan kepada Ibn Taymiyyah (2004) menegaskan *hasyisyh* yang dihasilkan daripada daun ganja adalah haram dan hukumnya sama seperti meminum arak. Malah ganja lebih berbahaya daripada arak dari segi ia merosakkan fikiran dan perasaan sehingga membuatkan seorang lelaki menjadi perempuan, dayus dan ditimpa kerosakan yang lain. Ganja juga menyekat seseorang daripada mengingati Allah dan solat. Justeru ia termasuk dalam hukum arak dan minuman memabukkan yang diharamkan oleh Allah dan rasul-Nya secara lafaz dan makna. Menurut Ibn Taymiyyah (2004) lagi, pandangan ulama yang hanya menghukumkan kesalahan makan ganja dengan takzir sebagai tidak tepat kerana mereka menganggap kesannya seperti penggunaan *banj* (bunga *henbane*) sahaja. Walhal sesiapa yang memakannya agak menjadi ketagih seperti arak.

Daripada semua pandangan di atas, penyelidik mendapati ganja tidak dihukumkan sebagai najis atau kotoran berbentuk *hissi* (fizikal) disebabkan statusnya sebagai suatu spesies tumbuhan. Namun, ia diharamkan kerana faktor *mafsadah*nya kepada manusia seperti menyebabkan ketagihan, halusinasi, khayalan dan menjejaskan kesihatan mental dan fizikal penagihnya.

Dalam konteks *mafsadah* kehilangan akal akibat ganja, tegahan penggunaan bahan tersebut turut menggunakan dalil-dalil pengharaman arak dan pelbagai *muskirat* sebagai hujah pengharamannya seperti berikut ;

كُلُّ مُسْكِرٍ حَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Maksudnya; “Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan adalah haram” (Riwayat Muslim)

كُلُّ مُسْكِرٍ حَمْرٌ، وَكُلُّ حَمْرٍ حَرَامٌ

Maksudnya; “Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap arak adalah haram” (Riwayat Muslim)

مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ فَفَلِيلُهُ حَرَامٌ

Maksudnya; “Sesuatu yang banyaknya menyebabkan kemabukan, maka yang sedikitnya juga haram” (Riwayat al-Tirmizi dan Abu Dawud)

عَنْ جَابِرٍ، أَنَّ رَجُلًا قَدِمَ مِنْ جَيْشَانَ، وَجَيْشَانَ مِنَ الْيَمَنِ، فَسَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ شَرَابٍ يَشْرَبُونَهُ بِأَرْضِهِمْ مِنَ الدُّرَّةِ، يُقَالُ لَهُ الْمِزْرُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْ مُسْكِرٌ هُوَ؟ قَالَ نَعَمْ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ، إِنَّ عَلِيَّ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ عَهْدًا لِمَنْ يَشْرَبُ الْمُسْكِرَ أَنْ يَسْقِيَهُ مِنْ طِينَةِ الْحَبَالِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا طِينَةُ الْحَبَالِ؟ قَالَ عَرَقُ أَهْلِ النَّارِ

Maksudnya; Jabir RA melaporkan seorang lelaki dari Jaysyan, sebuah tempat di Yaman bertanya kepada Nabi SAW mengenai sejenis minuman yang sering diminum oleh penduduk negerinya, yang diperbuat daripada jagung namanya *al-mizr*. Baginda bertanya, adakah ia memabukkan?. Jawab lelaki itu, ya. Maka Baginda bersabda: “Setiap yang memabukkan adalah haram. Allah SWT telah menjanjikan ke atas sesiapa yang minum arak (*muskir*) untuk memberikan kepadanya tinat *al-khabal*. Para sahabat bertanya apakah tinat *al-khabal*?. Jawab Baginda, “Peluh ahli neraka atau lelehan ahli nereka” (Riwayat Muslim).

كُلُّ مُحْمَرٍ حَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

*Maksudnya; “Setiap mukhammar (minuman yang menutup fungsi akal) adalah arak dan setiap yang memabukkan adalah haram”. (Riwayat Abu Dawud)*

Berdasarkan petunjuk hadis-hadis di atas, Ibn al-Qayyim (1994) menegaskan bahawa terma *khamr* mencakupi semua benda yang memabukkan sama ada dalam bentuk cecair, beku, perahan atau dimasak. Maka termasuk dalam kategori ini juga memakan ganja kerana semua benda itu adalah *khamr* berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang sahih lagi jelas tanpa sebarang pertikaian terhadap sanad dan matannya. Para sahabat juga memahami maksud *khamr* ialah setiap benda yang menutupi (fungsi) akal. Jika (diandaikan) ganja tidak termasuk dalam sabitan hadis Rasulullah pun, hukumnya masih boleh disabitkan dengan qiyas yang sahih akibat persamaan illah memabukkan antara arak dan ganja.

Kenyataan yang sama turut disokong oleh al-San’ani (t.t) yang menukikan kenyataan Ibn Hajar al-Asqalani, sesiapa yang menyatakan ganja tidak memabukkan tetapi hanya mengkhayalkan adalah orang yang angkuh. Ini kerana ganja menyebabkan keseronokan dan keghairahan (kemabukan). Menurut Ibn al-Baytar (al-San’ani, t.t), para doktor (zaman tersebut) menyatakan ganja yang ada di Mesir sangat memabukkan jika digunakan sebesar duit satu atau dua dirham sahaja. Mudaratnya sangat banyak di mana sebahagian ulama mencatatkan terdapat seratus dua puluh kemudarat ganja pada agama dan dunia. Keburukan ciri-ciri ganja juga terdapat dalam jenis opium.

Sebagai tambahan kepada hujah-hujah di atas, pengharaman ganja disokong oleh asas-asas hukum seperti berikut:

- a. Larangan syarak daripada melakukan darar.
- b. Penghasilan perkara yang memudaratkan adalah maksiat dan setiap punca yang membawa kepadanya juga maksiat.
- c. Disamakan hukumnya dengan pengharaman minum arak disebabkan faktor iskar (memabukkan) yang merosakkan kesejahteraan akal malah mudarat dadah adalah lebih besar daripada arak.
- d. Bertentangan dengan perintah waliyul amr yang mengharamkan tanaman ganja.

Kajian ini turut menemui beberapa keputusan fatwa mengenai interaksi dengan dadah dan ganja. Antaranya Dar al-Ifta’ Mesir telah menfatwakan tidak ada sebarang keraguan bahawa penggunaan bahan-bahan ini adalah dilarang kerana ia membawa kepada kemudarat yang besar dan mengandungi banyak keburukan seperti merosakkan fikiran, membinasakan badan dan pelbagai kemudarat lain (Dar al-Ifta’ al-Misriyyah, 2020). Malah Dar al-Ifta’ Jordan juga memutuskan keputusan yang sama (al-Ifta’ al-Urduni, 2012).

## **HUKUM PENANAMAN GANJA**

Rentetan daripada perbincangan hukum dadah dan ganja sebelum ini, penanaman tumbuhan tersebut turut dibahaskan hukumnya. Bagi mengawal kemudarat yang sama agar tidak membiak, para ulama bersepakat mengharamkan penanaman *hasyisyh* dan *khashkhash* bagi menutup *zari’ah* (punca) kepada penghasilan punca mudarat. Malah lebih jauh dari itu,

mereka turut membincangkan hukum melarang penyewaan tanah (termasuk juga rumah) bagi tujuan kemaksiatan, perbuatan lain yang haram dan juga yang merbahaya di sisi syarak. Kerana itu, haram menyewakan rumah (*hanut*) untuk dijadikan premis menjual arak. al-Nawawi (t.t) menyebut dalam *al-majmuk*, sesiapa yang menyewa tanah untuk ditanam gandum, maka tidak diharuskan baginya (haram) menanam sesuatu tanaman merbahaya yang dapat memudaratkan tanah itu sendiri yang akhirnya akan mengurangkan kualiti kesuburannya.

Dalam jawapannya mengenai hukum narkotik, Dar al-Ifta' Jordan membawakan ketetapan dalam Sixth Regional Conference on Narcotics yang berlangsung di Riyadh pada tahun 1974 bahawa semua fuqaha Islam pelbagai mazhab bersepakat mengharamkan sebarang pengeluaran, penanaman atau pengedaran narkotik (termasuk ganja) sama ada dalam bentuk asli atau sintetik serta penglibatan dalam semua perkara tersebut merupakan perbuatan jenayah (al-Ifta' al-Urduni, 2012). Senada dengan pendirian ini, al-Qaradawi (2020) turut mengharamkan sebarang perbuatan berkaitan dengan penghasilan ganja dan tembakau.

Jawatankuasa Fatwa al-Azhar al-Sharif (al-Dustur, 2018) turut menegaskan, antara keperluan daruri yang amat dijaga oleh Islam ialah pemeliharaan jiwa dan akal. Kebahagiaan manusia bergantung dengan pemeliharaan akalnya. Kedudukan akal seperti roh di dalam jasad yang dengannya manusia dapat membezakan kebaikan daripada kejahatan dan kemudatan daripada kemanfaatan. Dengan kelebihan dan kemuliaan akal juga, Allah SWT mengangkat darjat manusia daripada sekalian makhlukNya. Justeru dengan kedudukan akal yang tinggi ini, Allah SWT telah mengharamkan segala elemen yang merosakkan atau menggagalkan fungsinya sama ada ianya dalam bentuk makanan atau minuman. Antara yang diharamkan ialah arak dan dadah. Maka pelbagai cara yang dapat mempercambahkan arak dan dadah turut diharamkan seperti penanaman, pengeluaran, penyeludupan atau pengedarannya. Sebarang bentuk interaksi berkaitan arak dan dadah adalah haram secara pasti kerana ia juga satu bentuk kerjasama melakukan dosa yang diharamkan (*al-ta'awun al-al-ithm al-muharram*).

Penulis membawakan hujah-hujah yang mengharamkan penanaman ganja adalah seperti yang berikut:

**Pertama;** Petunjuk secara *dalalat al-nas* berdasarkan hadis riwayat al-Tabarani (1994) daripada Abdullah Ibn Burayrah daripada bapanya (Burayrah) bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَبَسَ الْعِنَبَ أَيَّامَ الْقَطَافِ حَتَّى يَبِيعَهُ مِنْ يَهُودِيٍّ أَوْ نَصْرَانِيٍّ، أَوْ مِمَّنْ يَتَّخِذُهُ حِمْرًا، فَقَدْ  
تَقَحَّمَ النَّارَ عَلَى بَصِيرَةٍ

Maksudnya; “Sesiapa yang menyimpan (memeram) anggur pada musim berbuahnya agar dapat dijual kepada orang Yahudi atau Nasrani atau kepada orang yang memproseskannya menjadi arak, telah mencampakkan dirinya dalam neraka dengan sengaja” (Riwayat al-Tabarani)

Hadis ini menunjukkan pengharaman penanaman ganja, opium dan seumpamanya bagi tujuan yang sama seperti pengharaman menanam anggur yang dijual untuk dijadikan arak.

**Kedua;** Penanaman ganja sama seperti menggalakkan perbuatan maksiat iaitu ketagihan dadah dan ganja yang diharamkan penggunaannya. Setiap perkara yang diharamkan adalah maksiat dan sebarang tindakan yang menyumbang kepada perkara haram adalah diharamkan.

**Ketiga;** Tujuan penanaman ganja tidak lain kecuali menghasilkan dadah yang mendatang kemudaratan kepada orang ramai. Dengan penanamannya, secara tidak langsung pengusaha terbabit seakan-akan merelakan pengedaran ganja dalam kalangan masyarakat dan ketagihan kepada para penagih yang menjadi liabiliti kepada masyarakat dan negara. Sebagai seorang muslim, mereka perlu menyekat kemungkaran melalui pelbagai cara termasuk pengingkaran hati (*al-inkar bi al-qalb*). Termasuk dalam cara pengingkaran paling praktikal ialah tidak terlibat dalam sebarang bentuk perbuatan seperti penanaman ganja. Terdapat kaedah hukum menyebut “*al-rida bi al-ma’siyyah ma’siyyah*” (Reda dengan kemaksiatan adalah suatu maksiat).

**Keempat;** Penanaman ganja turut dianggap satu maksiat atau jenayah mandatori yang ditetapkan oleh pihak kerajaan melalui undang-undang dan akta berkaitan dengannya. Dalam konteks ini, setiap muslim wajib mentaati arahan *wali al-amr* dalam perkara kebaikan berdasarkan ijmak ulama seperti mana disebut oleh al-Nawawi (2000) dalam Sahih Muslimnya.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN MENGENAI LEGATIMASI HEMP

Menurut majoriti fuqaha, ganja dan semua tumbuhan subspesiesnya termasuk hemp tidak dikategorikan sebagai najis dan fizikalnya adalah bersih. Dari aspek ini, seseorang yang memegang atau menyentuh ganja dan semua subspesiesnya tidak dianggap seperti memegang kotoran najis yang membatalkan solat. Ganja dibezakan daripada fizikal arak kerana ia berasal daripada sumber beku (*jamid*) berbanding arak yang berasal daripada sumber cecair (*ma’i*). Dari aspek penggunaannya pula, kesemua fuqaha bersepakat mengharamkan ganja kerana kesan mabuk, khayal dan keseronokan yang diakibatkannya sama seperti arak. Justeru itu, dalil-dalil pengharaman arak turut digunakan dalam hukum ganja. Namun mengikut mazhab Hanbali terutamanya Ibn Taymiyyah (2004), hukum penggunaan ganja (*hasyish*) walaupun dalam kuantiti kecil yang tidak memabukkan adalah sama seperti hukum arak dalam erti tidak boleh digunakan secara mutlak. Namun pada pandangan majoriti fuqaha, penggunaan ganja dalam kuantiti kecil untuk tujuan rawatan kesihatan, adalah dibenarkan selagi tidak menghilangkan fungsi akal.

Tidak dinafikan bahawa dadah, ganja dan kebanyakan subspesiesnya mendatangkan kesan merbahaya kepada manusia. Namun memandangkan hukum setiap benda perlu dilihat pada kesan setiap satu daripadanya, maka berdasarkan fakta yang dikemukakan mengenai hemp atau *cannabis sativa* (*C. sativa*), jelas menunjukkan manfaatnya jauh mengatasi

mafsadah yang terhasil daripada spesies tumbuhan kanabis lain seperti *cannabis indica* (C. indica) dan *cannabis ruderalis* (C. ruderalis) Maka dalam konteks ini, hukum penggunaan hemp adalah diharuskan. Walaupun berada dalam kelompok kanabis, hukum hemp wajar dikecualikan daripada hukum asal ganja dan kanabis disebabkan kriteria-kriteria berikut:

- a. Kesan mudarat yang sangat minima
- b. Manfaat kepada kesihatan lebih besar
- c. Kepelbagaian manfaat seperti sumber halal lain

Seperti dinyatakan dalam perbincangan ulama sebelum ini, hemp adalah bersih dan *masalah* penggunaannya juga lebih kukuh berbanding *mafsadah*nya, maka hukum asal penanamannya adalah harus berdasarkan kepada hukum asal spesies tersebut. Namun dari sudut perundangan pula, keharusan penanaman hemp tertakluk kepada kesan dan risiko jangka panjangnya (*ma'alat*) serta sejauhmana menjadi penyumbang (*zari'ah*) kepada kebaikan atau keburukan. Keputusan sebenar berhubung isu ini termasuk di bawah kebijaksanaan kerajaan (*siasah syar'iyah*) bagi menjaga faktor kemaslahatan umum berdasarkan kaedah "*tasarruf al-imam ala al-ra'iyah manut bi al-maslahah*" (tindakan pemerintah terhadap rakyat tertakluk kepada masalah). Setiap polisi dan dasar yang bakal diambil dalam isu penanaman hemp, pihak kerajaan perlu mempertimbangkan beberapa asas-asas hukum lain seperti *yukhtar ahwan al-syarrayn* (Dipilih keburukan paling minimum), *darr' al-mafasid awla min jalb al-masalih* (menolak keburukan lebih utama daripada menarik kebaikan) dan *al-asl fi al-manafi' al-ibahah* (hukum asal perkara bermanfaat ialah diharuskan) serta *al-asl fi al-madharr al-tahrim* (hukum asal perkara yang merbahaya ialah diharamkan).

Justeru, faedah dan mudarat pada hemp perlu diperincikan dengan lebih jelas. Meskipun terdapat manfaat perubatan pada hemp yang telah dibuktikan, namun tidak dinafikan ia juga mempunyai kesan mudarat. Bagi memperincikan ciri-ciri positif dan negatif penggunaan hemp dalam konteks perubatan, kajian saintifik yang disokong dengan kajian klinikal perlu dilakukan dalam menilai kesan-kesan penggunaannya. Bagi menyokong kajian intensif ke atas hemp untuk digunakan atas faedah perubatan ini, satu kerjasama dengan institut pertanian seperti MARDI perlu diadakan bagi menghasilkan penanaman ganja yang berkualiti tinggi yang bebas dari pencemaran semula jadi dan bahan kimia, seterusnya membawa kepada penghasilan kandungan sebatian hemp yang selamat dan berkualiti. Seterusnya, hasil dapatan kajian tersebut dapat diusulkan kepada pihak-pihak yang terlibat untuk membuat pertimbangan yang teliti sebelum pihak berwajib memutuskan sebarang polisi tentang penanaman dan penggunaannya. Bagi mengelakkan penyalahgunaan hemp, cadangan peraturannya adalah sama seperti ketum di mana Kementerian Kesihatan Malaysia perlu merangka polisi yang bersesuaian bagi penggunaannya di samping mewujudkan kerjasama dengan institusi fatwa dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menyalurkan informasi berkaitan dengan hemp bagi memastikan ketepatan dalam keputusan yang bakal diambil (Leong Abdullah et al. 2021).

Kajian ini turut bersikap positif terhadap cadangan para akademik tempatan supaya dibenarkan penanaman hemp. Namun bagi memastikan *masalah* sebenar dapat dicapai dengan cara yang selamat, kerajaan mesti mengawal penanaman tumbuhan tersebut dengan ketat dan hanya dibenarkan bagi tujuan penyelidikan dan perubatan dan perlu mendapat

kebenaran daripada Kementerian kesihatan, Kementerian dalam Negeri dan agensi kerajaan yang berkaitan.

## PENUTUP

Artikel ini telah mengupas sedikit sebanyak data dan kajian berkenaan penggunaan hemp secara global dan penggunaannya dari perspektif Islam. Kerana kemampuannya untuk digunakan dalam rawatan pelbagai jenis gejala dan penyakit, hasil daripada komponen aktifnya iaitu THC dan CBD, hemp mempunyai potensi dan nilai manfaat bagi digunakan untuk tujuan perubatan. Jika dinilai dari sudut *masalah* perubatan, produk berasaskan hemp boleh digunakan secara syar'ie untuk merawat pelbagai jenis penyakit di samping manfaatnya digunakan secara meluas dalam aspek kepenggunaan masa kini. Walaupun kegunaannya harus dari sudut hukum, penanaman hemp tertakluk kepada polisi dan kawalan Kerajaan sebagai pihak berautoriti yang menjaga kemaslahatan orang ramai bagi jangka panjang agar tidak berlaku kesan buruk yang lebih besar akibat kelonggaran kawalan penanamannya. Dalam menilai legatimasi penanaman hemp, hukum syarak amat menitikberatkan pertimbangan antara kesan masalah dan mafsadah sama ada untuk jangka pendek atau panjang. Sesuatu yang bermanfaat untuk suatu jangka masa pendek boleh disekat penggunaannya jika dikenalpasti dapat menyebabkan *mafsadah* lebih besar kepada negara untuk jangka masa yang panjang.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, al-Sajastani Sulayman Ibn al-Ashcath (t.t) *Sunan Abi Dawud*. Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid (tahqiq). Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Agrawal, A., P. A. Madden, K. K. Bucholz, A. C. Heath, and M. T. Lynskey (2014) Initial reactions to tobacco and cannabis smoking: A twin study. *Addiction* 109(4):663–671.
- Aizpurua-Olaizola O, et al. Evolution of the cannabinoid and terpene content during the growth of Cannabis sativa plants from different chemotypes. *J. Nat. Prod.* 2016; 79:324–31.
- al-Asqalani, Ibn Hajar (t.t). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Baker, D., G. Pryce, G. Giovannoni, and A. J. Thompson. 2003. The therapeutic potential of cannabis. *The Lancet Neurology* 2:291–298.
- Basit Aijaz (2021). From Canada to Uruguay, Here Are Some Of The Countries Where Marijuana Is Legal. Diakses dari <https://www.indiatimes.com/trending/social-relevance/countries-where-marijuana-is-legal-551710.html> pada 3 Jun 2022.
- Bergamaschi, M. M., R. H. Queiroz, M. H. Chagas, D. C. de Oliveira, B. S. De Martinis, F. Kapczinski, J. Quevedo, R. Roesler, N. Schröder, A. E. Nardi, R. Martín-Santos, J. E. Hallak, A. W. Zuardi, and J. A. Crippa (2011) Cannabidiol reduces the anxiety induced by simulated public speaking in treatment-naive social phobia patients. *Neuropsychopharmacology* 36(6):1219–1226.
- BH Online, 10 September 2021. UniMAP kaji tanaman 'hemp'. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/09/862187/unimap-kaji-tanaman-hemp> pada 2 Mei 2022.

- BH Online, 6 November 2019. Kerajaan dalam proses benar penanaman 'hemp' untuk tujuan penyelidikan. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/625523/kerajaan-dalam-proses-benar-penanaman-hemp-untuk-tujuan-penyelidikan> pada 2 Mei 2022.
- Busse, F., L. Omid, K. Timper, A. Leichtle, M. Windgassen, E. Kluge, and M. Stumvoll. 2008. Lead poisoning due to adulterated marijuana. *New England Journal of Medicine* 358(15):1641–1642.
- Dar al-Ifta' al-Misriyyah (2020). Ma Hukm Zira'at al-Mawad al-Mukhaddarah wa al-Mal al-Natij'an al-Ittijar fiha? Dar al-Ifta' Tujib. Diakses dari <https://www.vetogate.com/4240280> pada 2 Mei 2022.
- de Lago, E. and J. Fernandez-Ruiz (2007). *Cannabinoids and neuroprotection in motor-related disorders. CNS and Neurological Disorders in Drug Targets* 6(6):377–387
- al-Disuqi, Muhammad ibn Arafah (t.t) Hasyiah al-Disuqi 'ala al-Syarh al-Kabir. T.tp: Dar al-Fikr.
- al-Dustur, 3 Oktober 2018. Hukm Zira'at al-Mukhaddarat wa al-Ittijar biha. Diakses dari <https://www.dostor.org/2345891> pada 3 Mei 2022.
- Enik Isnaini (2017). Penggunaan Ganja Dalam Ilmu Pengobatan Menurut Undang-Undang Nomor 35 Tahun 2009 Tentang Narkotika. *Jurnal Independent. Vol 5, No 2 ;46-54.*
- Grotenhermen, F (2003) Pharmacokinetics and pharmacodynamics of cannabinoids. *Clinical Pharmacokinetics* 42(4):327–360.
- Grotenhermen, F., & Müller-Vahl, K. (2012). *The Therapeutic Potential of Cannabis and Cannabinoids. Deutsches Arzteblatt International, 109(29–30), 495–501.*
- al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Rucyani (1995). *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil. Zakariyya Umayrat (Tahqiq). Edisi ke 1. Beirut: Dar al-Fikr.*
- Hillig K. Genetic evidence for speciation in Cannabis (Cannabaceae). *Genet. Resour. Crop Evol.* 2005;52(2):161–80.
- Hofmann, M. E., and C. J. Frazier (2013) Marijuana, endocannabinoids, and epilepsy: Potential and challenges for improved therapeutic intervention. *Experimental Neurology* 244:43–50.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar (2000). *Hasyiyah Radd al-Muhtar ala al-Durr al-Mukhtar. Beirut: Dar al-Fikr.*
- Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwayni. (2009). *Sunan Ibn Majah. Syucayb al-Arna'ut et.al (tahqiq). T.tp: Dar al-Risalah al-cAlamiyyah.*
- Ibn Qayyim, Muhammad Ibn Abi Bakr (1994). *Zad al-Ma'ad fi Hadyy Khayr al-Ibad. Edisi ke-27. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.*
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim (2004). *Majmuc Fatawa. Al-Madinah al-Munawwarah: Mujammak al-Malik Fahd li Tibacah al-Musyaf al-Syarif.*
- al-Ifta' al-Urduni, 2012. Hukm al-Islam fi al-Mukhaddarat. Diakses dari <https://www.aliftaa.jo/Article.aspx?ArticleId=161#.Ymi67tpBw2w> pada 2 Mei 2022.
- Iuvone, T., G. Esposito, D. De Filippis, C. Scuderi, and L. Steardo. 2009. Cannabidiol: A promising drug for neurodegenerative disorders? *CNS Neuroscience and Therapeutics* 15(1):65–75.



- Izzo, A. A., Borrelli, F., Capasso, R., Di Marzo, V., & Mechoulam, R. (2009). Nonpsychotropic plant cannabinoids: new therapeutic opportunities from an ancient herb. *Trends in Pharmacological Sciences*, 30(10), 515–527.
- Jerome H. Cherney (2016), *Industrial Hemp in North America: Production, Politics and Potential*, *Agronomy 2016*, 6(4), 58; <https://doi.org/10.3390/agronomy6040058>).
- Johnson, 2009, Defining Hemp: A Fact Sheet, dalam [https://www.everycrsreport.com/files/20190322\\_R44742\\_1b0195c6aa7e2cad29256c85a8574347c1ee833d.pdf](https://www.everycrsreport.com/files/20190322_R44742_1b0195c6aa7e2cad29256c85a8574347c1ee833d.pdf)).
- Jones, N. A., A. J. Hill, I. Smith, S. A. Bevan, C. M. Williams, B. J. Whalley, and G. J. Stephens. 2010. Cannabidiol displays antiepileptiform and antiseizure properties in vitro and in vivo. *Journal of Pharmacology and Experimental Therapeutics* 332(2):569–577.
- Jugl S., Okpeku A., Costales B., Morris E.J., Alipour-Haris G., Hincapie-Castillo J.M., Stetten N.E., Sajdeya R., Keshwani S., Joseph V., Zhang Y., Shen Y., Adkins L, Winterstein A.G, Goodin A. 2021. A Mapping Literature Review of Medical Cannabis Clinical Outcomes and Quality of Evidence in Approved Conditions in the USA from 2016 to 2019. *Med Cannabis Cannabinoids 2021*; 4:21–42
- Leong Abdullah. M.F.I., Mohamad M.A, Lan, T.M., Saidin, N.A, Rahman N.N.A. Ketum Perubatan Moden dan Perubatan Islam, Universiti Sains Malaysia, 2021
- Leweke, F. M., J. K. Mueller, B. Lange, and C. Rohleder. 2016. *Therapeutic potential of cannabinoids in psychosis. Biological Psychiatry* 79(7):604–612.
- Li, R. F., G. T. Lu, L. Li, H. Z. Su, G. F. Feng, Y. Chen, Y. Q. He, B. L. Jiang, D. J. Tang, and J. L. Tang. 2014. Identification of a putative cognate sensor kinase for the two-component response regulator HrpG, a key regulator controlling the expression of the hrp genes in *Xanthomonas campestris* pv. *campestris*. *Environmental Microbiology* 16(7):2053–2071.
- Malaysiakini, 30 September 2021. Ganja rawat tikus Alzheimer: Respon positif - penyelidik UPM. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/news/593431> pada 2 Mei 2022
- McLaren, J., W. Swift, P. Dillon, and S. Allsop. 2008. *Cannabis potency and contamination: A review of the literature. Addiction* 103(7):1100–1109.
- McPartland, J. M., D. J. Blanchon, and R. E. Musty. 2008. *Cannabimimetic effects modulated by cholinergic compounds. Addiction Biology* 13(3–4):411–415.
- Mikuriya T. H. (1969). Marijuana in medicine: past, present, and future. *California medicine*, 110(1), 34–40.
- Misty Pratt et.al (2019). Benefits and harms of medical cannabis: a scoping review of systematic reviews
- Muslim, Abu al-Husayn (t.t), *Sahih Muslim*. Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi (Tahqiq). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-cArabi.
- myMetro, 25 November 2021. Dah tiba masa 'halalkan' kanabis, ketum untuk perubatan: Pakar. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/11/781332/dah-tiba-masa-halalkan-kanabis-ketum-untuk-perubatan-pakar> pada 2 Mei 2022.
- al-Natur, Khalidah Rabhi & al-Qudhah, Muhammad Ahmad (2014). *Jarimah al-Mutajarah bi al-Mukhaddarat min Suwar Jarimah al-Ifsad fi al-Ard. Dirasat, Ulum al-Syari'ah wa al-Qanun*. Jil. 4, bil. 1:268-289.

- al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya ibn Syaraf. (t.t). *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Damsyik: Dar al Fikr.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya ibn Syaraf. (2000). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Tahqiq oleh Khalil Ma'mun Syiha. Edisi ke 7. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Potter, D. J., Clark, P., & Brown, M. B. (2008). Potency of D9 –THC and Other Cannabinoids in Cannabis in England in 2005: *Implications for Psychoactivity and Pharmacology*. *Journal of Forensic Science*, 53(1), 1–5
- al-Qaradawi, Yusuf (2020). Ma Hukm Zira'at al-Hasyisy wa al-Tabg. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=pKG7YeyzJ5E> pada 3 Mei 2022.
- Raber, J. C., S. Elzinga, and C. Kaplan. 2015. Understanding dabs: Contamination concerns of cannabis concentrates and cannabinoid transfer during the act of dabbing. *Journal of Toxicological Science* 40(6):797–803.
- al-Ramli, Syams al-Din Muhammad ibn Abi al-cAbbas (2003). *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Edisi ke 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Rock, E. M., Goodwin, J. M., Limebeer, C. L., Breuer, A., Pertwee, R. G., Mechoulam, R., & Parker, L. A. (2011). Interaction between non-psychotropic cannabinoids in marijuana: effect of cannabigerol (CBG) on the anti-nausea or anti-emetic effects of cannabidiol (CBD) in rats and shrews. *Psychopharmacology*, 215, 505–512.
- al-San'ani, Muhammad ibn Isma'il. (t.t). *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Sawler J, Stout JM, Gardner KM, Hudson D, Vidmar J, Butler L, et al. (2015) The Genetic Structure of Marijuana and Hemp. *PLoS ONE* 10(8): e0133292. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0133292>.
- Shannon L. Datwyler Ph.D., George D. Weiblen, 2006, Genetic Variation in Hemp and Marijuana (*Cannabis sativa* L.) According to Amplified Fragment Length Polymorphisms. *Journal of Forensic Sciences*, Volume 51, Issue 2. March 2006, Pages 371-375
- Shirah B, H, Ahmed M, M: The Use of Cannabis for Medical Purposes in the Arab World. *Med Cannabis Cannabinoids* 2021; 4:72-74. doi: 10.1159/000510824).
- al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad al-Khatib (1994). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'arifat Macaniy Alfaz al-Minhaj*. Ali Muhammad Mucawwad & al-Mawjud, Adil Ahmad (Tahqiq). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Tabrani, Sulayman ibn Ahmad (1994). *al-Mucjam al-Awsat*. Tahqiq oleh Tariq ibn cIwad Allah dan Abd al-Muhsin ibn Ibrahim al-Husayni. Kaherah: Dar al-Haramayn.
- Thomas, A., G. L. Baillie, A. M. Phillips, R. K. Razdan, R. A. Ross, and R. G. Pertwee. 2007. Cannabidiol displays unexpectedly high potency as an antagonist of CB1 and CB2 receptor agonists in vitro. *British Journal of Pharmacology* 150(5):613–623.
- Thomas, B. F., and G. T. Pollard. 2016. Preparation and distribution of cannabis and cannabis-derived dosage formulations for investigational and therapeutic use in the United States. *Frontiers in Pharmacology* 7:285.
- al-Tirmidhi, Abu Isa Muhammad ibn cIsa (1996). *Al-Jamic al-Kabir*. Basysyar cAwwad Macruf (Tahqiq). Edisi ke 1. Beirut: Dar al-Gharb al-Arabi.

- Underhill, A. P. (1997). Current issues in Chinese Neolithic archeology. *Journal of World Prehistory*, 11(2), 103–160, dalam Pisanti S, Bifulco M. Medical Cannabis: A plurimillennial history of an evergreen. *JCellPhysiol*.2019;234:8342–8351. <https://doi.org/10.1002/jcp.27725>PISANTIANDBIFULCO|8351).
- Ware, M. A., Adams, H., & Guy, G. W. (2005). The medicinal use of cannabis in the UK: results of a nationwide survey. *International Journal of Clinical Practice*, 59(3), 291–295.
- Wee, M., Hassan, A. ., & Abdullah, A. (2022). Legalization of Hemp and the Contribution to Japanese Economy. *WILAYAH: The International Journal of East Asian Studies*, 11(1), 69–82. Retrieved from <http://jice.um.edu.my/index.php/IJEAS/article/view/34575>
- Zach Walsh, Robert Callaway, Lynne Belle-Isle, Rielle Capler, Robert Kay, Philippe Lucas, Susan Holtzman, Cannabis for therapeutic purposes: Patient characteristics, access, and reasons for use, *International Journal of Drug Policy*, Volume 24, Issue 6, 2013,Pages 511-516,)